

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1990

KELULUSAN DASAR BAGI PEMBERIAN MILIK TANAH SECARA BERANCANG

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 10.1.1990 semasa menimbang Kertas Bil. 1/7/90(8) daripada Jajahan Kuala Krai mengenai cadangan kelulusan dasar bagi pemberian milik tanah secara berancang di kawasan Sungai Depak, Mukim Manjor, Daerah Olak Jeram dan membuat keputusan menolak permohonan berkenaan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan juga membuat ketetapan bahawa pada masa akan datang permohonan seperti ini tidak seharusnya digalakkan dan sekiranya Pejabat Tanah ada menerima permohonan seperti ini, permohonan berkenaan hendaklah terlebih dahulu diangkat kepada Jawatankuasa Tanah Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri sebelum ianya diangkat untuk mendapat pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Permohonan seperti ini bermakna permohonan daripada kumpulan iaitu permohonan bersenarai di mana nama-nama pemohon disertakan dan dicamkan satu kawasan yang luas tanpa dibuat penyiasatan terlebih dahulu mengenai kesesuaian tanah, paras rupa bumi dan sebagainya. Pentadbir Tanah Jajahan janganlah keliru keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ini dengan Lampiran 'A' kepada Pekeliling P.T.G Bil. 5/88 – para 4.3.1 dimana permohonan pemberian milik tanah secara berancang adalah digalakkan kerana perkara yang disebut dalam Pekeliling itu dituju kepada kawasan-kawasan tanah kerajaan yang tidak lebih daripada 50 ekar (para 2.2) Pekeliling tersebut.

3. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan tentang keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan di atas dan sekiranya ada permohonan yang diterima maka Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan kertas kerja bagi pertimbangan Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri untuk mendapat perakuan Jawatankuasa tersebut sebelumnya ia dapat dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

4. Pentadbir Tanah Jajahan akan dijemput untuk membentangkan kertas berkenaan di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri dan kertas kerja yang disediakan oleh Pentadbir Tanah Jajahan itu hendaklah lengkap dari sudut semua aspek dan sekiranya kawasan berkenaan dicadang untuk dimaju oleh sesuatu pihak umpamanya FELDA atau FELCRA maka persetujuan jabatan berkenaan hendaklah diperolehi diperingkat ibu pejabat.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH : 29HB. JANUARI 1990

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

FAIL : P.T.G. KN. 16/ 1 /9(9)